

JAIMAH BINTI MOHD YUSOFF

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im Bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Baharum Bin Hasbullah (Panel), YA Dato' Haji Arshad Bin Haji Abd Samad (Panel) Pada 22 Februari 2021/ 10 Rejab 1442H]

[Kes Permohonan No. : 05000-077-0011-2018]

[Permohonan Kebenaran Lanjut Tempoh Masa Memfailkan Notis Rayuan - Seksyen 238 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2004]

Peguan Syarie Pemohon : -
Peguan Syarie Responden : -

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Kes ini adalah suatu permohonan untuk mendapatkan pelanjutan tempoh masa bagi memfailkan Notis Rayuan terhadap Kes Mal No. : 05200-043-0665-2018 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Negeri Sembilan pada 27/11/2018. Permohonan ini difailkan oleh Pemohon pada 14/12/2018 akibat kegagalan Pemohon mematuhi tempoh masa untuk memfailkan Notis Rayuan yang ditetapkan oleh undang-undang di bawah subseksyen 139(4) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 [*Enakmen No. 14 tahun 2003*] yang memperuntukkan –

“Notis Rayuan.

139. (1) ...

(2) ...

(3) ...

(4) Notis rayuan hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari dari hari keputusan itu diumumkan, dan hendaklah rnenyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian yang mana, keputusan itu yang dirayukan.”

[2] Permohonan ini dibuat berdasarkan seksyen 238 Enakmen yang sama iaitu berkaitan dengan bidang kuasa Mahkamah untuk memanjang atau memendekkan sesuatu tempoh masa yang menyatakan seperti berikut:

“Memanjangkan atau memendekkan masa.

238. (1) *Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, melalui perintah, melanjutkan atau memendekkan tempoh yang dalamnya seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh Enakmen ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.*

(2) *Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) walaupun permohonan untuk mendapatkan pelanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas habis tempoh itu.”*

[3] Sukacita kami nyatakan bahawa banyak penghakiman telah diputuskan berhubung dengan permohonan perlanjutan tempoh masa seperti kes ***Sharifah Badariah Binti Mari lwn. Yasran Bin Hj. Hussain, Kes Permohonan No : 10000-099-0005-2009*** oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor dan antara kes yang telah diterbitkan di dalam Jurnal Hukum seperti kes ***Aziah Bin Abdul Aziz lwn. Azmi Bin Abd. Aziz [2013] JH 36(1)*** serta kes ***Fatima @ Hasnah Binti Daud lwn. Wan Hssan Bin Wan Daud [2015] JH 40(1)***, di mana Panel Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes-kes berkenaan telah menggariskan beberapa faktor yang perlu diberi pertimbangan sebelum membenarkan sesuatu permohonan di bawah seksyen 238 Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, iaitu –

- i. Tempoh kelewatan;
- ii. Sebab kelewatan;
- iii. Kebarangkalian untuk Pemohon berjaya dalam rayuannya;
- iv. Tahap prejudis kepada pihak yang satu lagi

[4] Permohonan ini telah difailkan oleh Pemohon pada 14/12/2018 bersama Afidavit Sokongan Pemohon selepas empat (4) hari dari tarikh akhir pemfailan Notis Rayuan iaitu pada 10/12/2018. Selanjutnya, Pemohon memfailkan hujahan pada 10/6/2020.

[5] Setelah kami meneliti Afidavit Sokongan yang difailkan oleh Pemohon, kami dapati alasan permohonan ini adalah seperti berikut:

- i. Saya tidak mengetahui apa-apa undang-undang Mahkamah Syariah;
- ii. Masa saya mengambil surat rayuan, saya salah dengar dan salah memahami tarikh menghantar surat.

[6] Berdasarkan alasan-alasan yang dikemukakan oleh Pemohon tersebut, kami dapati **tiada satu alasan pun yang relevan/ munasabah** untuk kami mempertimbangkan permohonan bagi pelanjutan tempoh masa ini.

[7] Bagi isu **tidak mengetahui apa-apa undang-undang Mahkamah Syariah** yang dibangkitkan oleh Pemohon, kami berpendapat alasan kejahilan terhadap undang-undang juga **sudah tidak relevan** untuk dibangkitkan dalam keadaan masyarakat masa kini yang terdedah dengan perkembangan pantas teknologi maklumat yang boleh dicapai di hujung jari.

[8] Kami juga merujuk kepada beberapa kes terkini yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah yang telah menolak permohonan pelanjutan tempoh masa atas alasan orang awam yang jahil undang-undang, antaranya dalam kes *Nor Farhana Aida @ Hildah Binti Dali lwn. Majlis Ugama Islam Sabah, Kes Permohonan No. : 12000-077-0046-2017* yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sabah pada 1/10/2018 yang menyatakan bahawa –

“[14] Status sebagai orang awam yang tidak mengetahui undang-undang telah diterima sebagai suatu faktor pertimbangan dalam kes Sharifah Badariah. Walau bagaimanapun sebab kejahilan ini bukanlah faktor yang perlu dipertimbangkan secara berasingan dari tempoh kelewatan dari segi lama tempohnya atau pendek sahaja. Kami mendapati bahawa Pemohon telah gagal menunjukkan kepada kami alasan-alasan yang baik untuk membolehkan kami membenarkan permohonan perlanjutan tempoh rayuan. Kami merasa amat terkilan bahawa kes yang mahu rayu oleh Pemohon telah diputuskan oleh Mahkamah pada 13/7/2017 iaitu lebih kurang 5 bulan sedangkan tindakan ini patut dimulakan sesegera mungkin selepas keputusan tersebut dikeluarkan”

[9] Manakala dalam kes **Maimunah & 2 Yang lain lwn. Jamaliah Binti Saod & 10 Yang Lain, Kes Permohonan No. : 14000-077-0016-2016** yang diputuskan pada 8/1/2018, Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam ulasan menyatakan-

“Alasan Pemohon bahawa Hakim Bicara gagal memberitahu kepada mereka mengenai tempoh untuk memfailkan Notis Rayuan ketika Penghakiman diberikan dan Pemohon-pemohon tidak mahir terhadap keperluan undang-undang berkaitan tempoh untuk memfailkan Notis Rayuan dan tidak memahami kesan serta implikasi perundangan adalah suatu alasan yang amat remeh. Begitu juga dengan alasan-alasan kelewatan Pemohon-pemohon disebabkan masalah komunikasi antara mereka dan Peguam terdahulu serta permasalahan Pemohon-pemohon membayar fee kepada Peguam terdahulu juga merupakan suatu yang remeh. Kami berpendapat alasan sedemikian hanya bertujuan untuk mendapatkan simpati dari Mahkamah ini”

[10] Berdasarkan fakta kes di atas, kami ingin mengulas berkaitan dengan faktor ketiga yang perlu diberi pertimbangan sebelum meluluskan permohonan pelanjutan tempoh masa iaitu kebarangkalian untuk Pemohon berjaya dalam rayuannya. Kami mendapati YA Hakim Bicara telah menolak permohonan Pemohon untuk mendapatkan pengisytiharan sebagai bukan Islam disebabkan Pemohon tidak mempunyai *locus standi* untuk memfailkan permohonan di Negeri Sembilan. Hal ini disebabkan oleh kegagalan Pemohon untuk memenuhi kehendak subseksyen 119(2A)(i) kerana Pemohon tidak dilahirkan di Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, sekiranya permohonan Pemohon dibenarkan, ia akan menjadi *ultra vires* kerana Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan tidak berbidang kuasa untuk mendengar rayuan Pemohon.

[11] Justeru itu, kami berpuas hati bahawa Pemohon telah gagal mengemukakan kepada kami perihal yang istimewa dan perihal yang membawa kepada keadilan untuk kami membenarkan pelanjutan tempoh masa ini. Maka, kami berpendapat bahawa permohonan ini adalah tidak wajar untuk dibenarkan.

KEPUTUSAN

SETELAH meneliti Notis Permohonan, Afidavit Sokongan dan Hujahan Pihak Pemohon, **MAKA KAMI** sebulat suara memutuskan sebagaimana yang berikut:

1. Permohonan Pemohon **ADALAH DITOLAK.**

Dibaca dan ditandatangani oleh :-

-
1. **YAA DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NAI'M BIN HAJI MOKHTAR**
Pengerusi
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh :-

-
2. **YA DATO' HAJI BAHARUM BIN HASBULLAH**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh :-

-
3. **YA DATO' HAJI ARSHAD BIN HAJI ABD SAMAD**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan